

# 100 pelajar berpeluang sertai bengkel anjuran Finas

NST 19.7.2017 8



ZULKURNANIN ketika merasmikan majlis.

KOTA KINABALU: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) Sabah, memberi peluang kepada seramai 100 pelajar sekolah menengah mengikuti Bengkel Pembikinan Wayang Pendek sebagai pendedahan jika menceburi bidang perfileman pada usia muda.

Bengkel berkenaan yang melibatkan sebanyak 10 sekolah, telah berlangsung selama tiga hari bermula kelmarin di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Bengkel itu turut mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Pejabat Pendidikan Daerah.

Menurut Ketua Wilayah Finas Sabah, Zulkurnanin Hassan walaupun setiap bulan Finas menganjurkan pelbagai program kursus dan bengkel perfileman, tetapi pesertanya adalah dalam kalangan orang yang dewasa.

"Program kali ini menyasarkan pelajar-pelajar sekolah yang masih remaja kerana kita percaya apa juga bidang seperti sukan, syarahan, nyanyian atau muzik, minat dan bakat perlu dicari, dipupuk serta dilatih diusia muda dan yang pentingnya diberi peluang dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran," ujarnya.

Beliau berkata, kajian juga mendapati bakat-bakat yang lahir di negara-negara maju yang menguasai industri filem dikenal pasti dan dipupuk sejak usia muda.

Tema patriotik yang dipilih dalam pembikinan wayang pendek kali ini bertajuk 'Filem Pemangkin Semangat Cinta Negaraku' bagi memupuk semangat cintakan negara.

"Semangat ini perlu disemai di peringkat usia muda bers-

esuaian dengan bulan kemerdekaan yang tentunya filem merupakan medium terbaik bagi memupuk semangat cinta negara dalam kalangan rakyat Malaysia," kata beliau.

Tambahnya, program ini diharap akan dapat memberi tunjuk ajar roses menghasilkan filem yang lebih tersusun dan akademik selain peserta dapat mempelajari hukum-hukum filem secara teratur.

"Apa yang menarik diakhir program, hasil kerja mereka akan dinilai dan dipertandingkan dan saya berpendapat ini suatu peluang yang terbaik untuk anak-anak kita yang berminat dalam dunia perfileman," jelas beliau.

Zulkurnanin berharap supaya akan lahir satu generasi yang menguasai ilmu perfileman kerana negara yang menguasai dunia masa kini adalah negara yang rakyatnya menggunakan filem sebagai senjata.

"Ia akan menerobos segala pelusuk dunia dan masuk dalam rumah-rumah kita hanya dalam tempoh beberapa saat, sama ada menerusi iklan, dokumentari, filem cereka atau berita semasa," katanya.

Tambahnya, lagi, kerjasama di antara FINAS dan tenaga pengajar UMS dan Kementerian Pelajaran Malaysia diharap akan dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan menjadi nilai tambah kepada kokurikulum yang sedia ada.

Hadir sama, Penasihat Industri Kreatif Sabah dan Sarawak, Datuk Deddy M Borhan dan pensyarah Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, UMS, Prof. Madya Dr. Zairul Anuar Mohd Dawam.